

06 OCT 1998

Mahathir-Demonstrasi

PIHAK TERTENTU ADAKAN DEMONSTRASI UNTUK GULING KERAJAAN

KUCHING, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas pihak-pihak yang menganjurkan demonstrasi dan rusuhan dalam usaha mengulingkan kerajaan.

Beliau berkata, adalah malang sekali kumpulan itu mahu menamatkan demokrasi walaupun rakyat negara ini berhak memilih kerajaan mereka melalui proses pengundian.

"Mereka memutuskan yang kerajaan harus ditumbang melalui demonstrasi, rusuhan dan menyindir polis supaya polis bertindak ganas terhadap mereka," kata beliau semasa merasmikan mesyuarat agung ke 52 Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Bersekutu Malaysia (ACCCIM) di sini.

Dr Mahathir berkata, mereka juga cuba mendapatkan sokongan negara luar untuk mencetuskan huru hara di negara ini kerana telah melihat bagaimana seorang pemimpin di sebuah negara digulingkan dan mahu mencontohnya.

"Adalah malang sekali kita mempunyai orang seperti ini yang sanggup melakukan apa sahaja untuk menghalang proses undang-undang dan perbicaraan yang adil supaya mereka boleh dapat apa yang mereka mahu," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, sebagai sebuah negara demokrasi, pemilihan telah diadakan mengikut jadual sejak kemerdekaan, 40 tahun lepas, untuk menentukan parti politik yang akan membentuk kerajaan.

Parti dengan majoriti terbesar dipilih untuk mengetuai kerajaan, katanya.

Beliau berkata, Malaysia ialah sebuah negara aman dengan masyarakat majmuknya hidup secara harmoni kerana kerajaan melakukan apa sahaja dengan teratur berdasarkan kepada undang-undang negara.

Sama juga dengan politik, mereka juga bekerjasama walaupun mereka mungkin telah membentuk parti berdasarkan masyarakat masing-masing tetapi ia tidak menghalang mereka daripada menghormati hak kumpulan etnik lain.

"Adalah malang sekali kita mempunyai orang seperti ini yang sanggup melakukan apa sahaja untuk menghalang proses undang-undang dan perbicaraan yang adil supaya mereka boleh dapat apa yang mereka mahu," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, sebagai sebuah negara demokrasi, pemilihan telah diadakan mengikut jadual sejak kemerdekaan, 40 tahun lepas, untuk menentukan parti politik yang akan membentuk kerajaan.

Parti dengan majoriti terbesar dipilih untuk mengetuai kerajaan, katanya.

Beliau berkata, Malaysia ialah sebuah negara aman dengan masyarakat majmuknya hidup secara harmoni kerana kerajaan melakukan apa sahaja dengan teratur berdasarkan kepada undang-undang negara.

Sama juga dengan politik, mereka juga bekerjasama walaupun mereka mungkin telah membentuk parti berdasarkan masyarakat masing-masing tetapi ia tidak menghalang mereka daripada menghormati hak kumpulan etnik lain.

"Dan oleh kerana kita sentiasa menghormati dan saling bertimbang rasa, negara kita aman semenjak rusuhan kaum pada 1969," katanya.

Merujuk isu masa sekarang, beliau berkata Perdana Menteri yang dipilih secara demokratik mempunyai hak untuk memilih anggota Kabinet dan sesiapa yang beliau pilih diterima sebagai anggota Kabinet untuk membentuk kerajaan.

Dalam cara yang sama Perdana Menteri berhak meminta seseorang Menteri untuk berundur atas alasan jika beliau didapati tidak mampu menjalankan

tugas ataupun mempunyai "masalah tertentu."

Beliau berkata, orang seperti itu perlu menerima penamatan perkhidmatannya dengan sopan tanpa menyebabkan masalah dan jika beliau didapati telah melakukan sesuatu yang salah beliau akan dihadapkan ke mahkamah.

"Sebelum ini, kita pernah mempunyai Ketua Menteri dan Menteri dengan Kerajaan Persekutuan yang pernah menghadapi tuduhan membunuh dan dijatuhkan hukuman mati tetapi hukuman itu kemudiannya diringankan menjadi penjara seumur hidup oleh Agung. Itu pernah berlaku," katanya.

-- BERNAMA

CJ OPP PR